

**ANALISIS PENGGUNAAN KAEDAH *ISTINBĀT*  
DALAM PENETAPAN FATWA DI MALAYSIA:  
KAJIAN DI JABATAN-JABATAN MUFTI TERPILIH**

**oleh**

**WAN AB RAHMAN KHUDZRI BIN WAN ABDULLAH**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Jun 2006**

## PENGHARGAAN



الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين. والصلوة والسلام على أشرف المرسلين والرسول الأمين وعلى آله وأصحابه ومن سار على نهجه إلى يوم لا ظل إلا ظله. أما بعد:

Syukur ke hadrat Allah 'Azzawajalla dengan kesyukuran yang setinggi-tingginya, kerana dengan izinNya penulisan tesis ini dapat disiapkan. Dalam tempoh berkenaan penulis memperolehi ilmu, kefahaman dan keyakinan. Doa dipanjatkan agar dianugerah olehNya *barakat*, *rahmat* dan *thawāb* sepanjang tempoh berkenaan, manakala hasil yang diperolehi menjadi ilmu yang bermanfaat pada masa akan datang.

Dalam menyempurnakan tugasan ini segala sokongan dan bantuan dari semua pihak dan individu amat dihargai.

Penghargaan setinggi-tingginya dirakamkan kepada penyelia utama tesis ini *Sāhib al-Faḍilat* Prof. Madya Dr. Mohd Radzi bin Hj. Othman atas kesabaran dan kegigihan beliau menyelia seluruh kerja menyempurnakan tesis ini. Beliau telah memberi komitmen yang tinggi membimbing, mendorong, memberi teguran membina, membetul kesilapan-kesilapan dan menunjukkan jalan kebenaran sepanjang tempoh tersebut. Semoga Allah 'Azzawajalla memberkati usia dan usaha beliau untuk terus memberi sumbangan membentuk generasi pewaris *al-salaf al-sālih*.

Ucapan penghargaan yang tinggi juga ditujukan kepada Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Dekan Sekolah Pembangunan Sosial (SPS), Dekan Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia (FPSM), Bahagian Pengajian Lanjutan, Jabatan Pendaftar di atas kelulusan, sokongan, bantuan dan pembiayaan sepanjang pengajian ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada Dekan dan kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), Penyelaras dan para pensyarah Bahagian Pengajian Islam, Dekan dan kakitangan Institut Pengajian Siswazah (IPS), Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang atas peluang dan bantuan yang diberikan sepanjang pengajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih tidak dilupakan kepada Mufti dan kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Perlis, Mufti, Timbalan Mufti dan kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, Mufti dan kakitangan Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, Urusetia Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Negeri Kelantan (MAIK), Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan melalui Bahagian Keurusetiaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atas bantuan dan kerjasama yang membolehkan penyelidik memperolehi bahan kajian.

Tidak ketinggalan ucapan penghargaan kepada pihak Perpustakaan Institut Jamiah Islamiyah Negeri Kedah (INSANIAH), Perpustakaan Sultanah Bahyiah UUM, Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), Perpustakaan Jabatan Syariah dan Undang-undang APIUM, Pusat Sumber Pusat Pengajian Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Pusat Sumber Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM,

Perpustakaan Pejabat Mufti Perlis, Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur  
dan Perpustakaan Awam Alor Star.

Akhirnya ucapan penghargaan yang setulusnya kepada bonda, isteri, anak-anak,  
kaum keluarga dan sahabat-sahabat seperjuangan yang berterusan mendoakan  
kejayaan dan kesempurnaan kajian ini.

Semoga usaha ini dirahmati Allah jua.

وَاللَّهُ وَلِي التَّوْفِيقُ وَالْهُدَى، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Wan Ab Rahman Khudzri Wan Abdullah (P-HD 0107)

Jabatan Kerja Sosial

Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah.

## SUSUNAN KANDUNGAN

Penghargaan .....	ii
Kandungan .....	v
Senarai Jadual dan Rajah .....	viii
Senarai Kependekan .....	x
Jadual Transliterasi .....	xii
Abstrak .....	xiii
Abstract .....	xv
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1 – 39</b>
1.0 Pendahuluan .....	1
1.1 Permasalahan Kajian .....	9
1.2 Kajian Lepas .....	12
1.3 Skop Kajian .....	26
1.4 Kepentingan Kajian .....	28
1.5 Objektif Kajian .....	29
1.6 Metodologi Kajian .....	30
<b>BAB 2 TASAWUR KAEDEAH <i>ISTINBAT</i> HUKUM</b>	<b>40 – 137</b>
2.0 Pendahuluan .....	40
2.1 Hukum Syarak ( <i>al-ḥukm al-syar’iy</i> ) .....	41
2.2 Pembahagian Hukum Syarak .....	48
2.2.1 Hukum <i>Taklīfīy</i> .....	49
2.2.2 Hukum <i>Waḍīy</i> .....	58
2.3 Rukun Hukum Syarak .....	63
2.4 Dalil-dalil Syarak Dalam Penetapan Hukum .....	67
2.5 Dalil-dalil Syarak dan Kaedah <i>Istinbāt</i> .....	71
2.5.A Al-Quran .....	77
2.5.B Al-Sunnah .....	84
2.5.C <i>Al-Ijmā’</i> .....	98
2.5.D <i>Al-Qiyās</i> .....	103
2.5.E <i>Al-Maṣlaḥat al-Mursalaṭ</i> .....	109
2.5.F <i>Al-‘Urf</i> .....	112
2.6 Pemakaian Dalil-dalil Syarak Dalam Mazhab .....	117
2.6.1 Mazhab Ḥanafi .....	117
2.6.2 Mazhab Mālikī .....	119
2.6.3 Mazhab al-Syāfi’ī .....	121
2.6.4 Mazhab Ḥanbali .....	122
2.7 Konsep <i>Istinbāt</i> .....	122
2.8 <i>Istinbāt</i> Dalam Sejarah Hukum .....	124
2.9 Kaedah Melakukan <i>Istinbāt</i> .....	131

<b>BAB 3</b>	<b>INSTITUSI FATWA DI MALAYSIA</b>	<b>138 – 179</b>
3.0	Pendahuluan .....	138
3.1	Sejarah Pentadbiran Islam Malaysia .....	138
3.1.1	Kelantan .....	145
3.1.2	Perlis .....	149
3.1.3	Wilayah Persekutuan .....	150
3.1.4	Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan .....	151
3.2	Institusi Fatwa Di Malaysia .....	153
3.2.1	Mufti .....	155
3.2.2	Peranan Dan Bidang Kuasa Mufti .....	156
3.2.3	Jawatankuasa Fatwa .....	156
3.3	Perundangan Berkaitan Fatwa .....	162
3.4	Prosedur Penetapan Fatwa .....	164
3.5	Kaedah Penetapan Fatwa .....	171
3.6	Mewartakan Fatwa .....	174
3.7	Kesalahan-kesalahan Berhubung Fatwa .....	176
3.8	Kesimpulan .....	178
<b>BAB 4</b>	<b>FATWA -FATWA RASMI AKIDAH 1990 – 2000</b>	<b>180 – 271</b>
4.0	Pendahuluan.....	180
4.1	Bidang atau kategori fatwa .....	183
4.2	Fatwa-fatwa mengenai Akidah .....	188
4.2.1	Kaedah <i>Istimbāt</i> Fatwa-fatwa Bidang Akidah .....	193
4.2.1.1	Fatwa Mengenai Syiah .....	193
4.2.1.2	Fatwa Mengenai Wahabi .....	207
4.2.1.3	Fatwa Terhadap Kumpulan Al-Arqam .....	216
4.2.1.4	Fatwa Terhadap Kumpulan Anti Hadis .....	225
4.2.1.5	Fatwa Mengenai Amalan Suluk dan Rabitah Dalam Tariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah .....	234
4.2.1.6	Fatwa Terhadap Ajaran Pak Teh Selamat .....	244
4.2.1.7	Fatwa Mengenai Murtad .....	249
4.2.1.8	Fatwa Tentang Kegiatan Politik Dikaitkan Dengan Akidah .....	258
4.2.1.9	Fatwa Tentang Jemaah Tabligh .....	264
<b>BAB 5</b>	<b>FATWA -FATWA RASMI SYARIAH 1990 – 2000</b>	<b>272 – 392</b>
5.0	Pendahuluan .....	272
5.1	Fatwa-fatwa Mengenai Ibadah .....	274
5.1.1	Kaedah <i>Istimbāt</i> Fatwa Bidang Ibadah .....	280
5.1.1.1	Fatwa Zakat Pendapatan .....	281
5.1.1.2	Fatwa Mengenai Zakat KWSP .....	289
5.1.1.3	Fatwa Berkaitan Melontar Jamrah Dalam Ibadah Haji .....	292
5.1.1.4	Fatwa Tentang Wuduk Orang Haji .....	295
5.1.1.5	Fatwa Mengenai Orang Hilang .....	298
5.1.1.6	Fatwa Sembahyang Jumaat Bagi Wanita .....	305
5.2	Fatwa-fatwa Mengenai Peraturan/Pentadbiran .....	310
5.2.1	Kaedah <i>Istimbāt</i> Fatwa Bidang Peraturan/Pentadbiran .....	317
5.2.1.1	Fatwa Tentang Anak Yang Lahir Selepas Perkahwinan Enam Bulan .....	317
5.2.1.2	Fatwa Mengenai Perkahwinan Pelajar .....	

Di Luar Negara .....	323
5.2.1.3 Fatwa Tentang Hutang Pinjaman Si Mati .....	328
5.2.1.4 Fatwa Tentang Wakaf .....	333
5.3 Fatwa-fatwa Mengenai Kemasyarakatan .....	340
5.3.1 <i>Istimbāṭ</i> Fatwa Bidang Kemasyarakatan .....	344
5.3.1.1 Fatwa Mengenai Raja-raja .....	344
5.3.1.2 Fatwa Mengenai Nasyid dan Muzik .....	350
5.3.1.3 Fatwa Tentang Pakaian Pekerja Wanita Islam .	357
5.4 Fatwa-fatwa Mengenai Halal/Haram .....	361
5.4.1 <i>Istimbāṭ</i> Fatwa Mengenai Halal/Haram .....	363
5.4.1.1 Fatwa Tentang Rokok .....	364
5.4.1.2 Fatwa Tentang Hormon Dari Kencing Kuda ....	368
5.4.1.3 Fatwa Tentang Sijil Simpanan Premium (SSP)	373
5.4.1.4 Fatwa ASN Dan ASB .....	376
5.4.1.5 Fatwa Halal/Haram Makanan .....	384
<b>BAB 6 PENUTUP</b>	<b>393 – 423</b>
6.0 Pendahuluan .....	393
6.1 Penemuan Kajian.....	393
6.2 Cadangan.....	416
a. Sistem dan pengurusan fatwa.....	416
b. Perundungan fatwa .....	419
c. Keperluan-keperluan dalam pemfatwaan .....	420
d. Cadangan kajian ilmiah pada masa hadapan .....	421
<b>SENARAI RUJUKAN</b> .....	<b>424</b>
<b>LAMPIRAN</b> .....	<b>440</b>

## SENARAI JADUAL DAN RAJAH

	mukasurat
Jadual 1.1 Jumlah fatwa semua kategori yang dapat dikumpulkan	36
Jadual 4.1 Perbandingan perolehan fatwa dengan dua kajian lalu	182
Jadual 4.2 Jumlah fatwa semua kategori yang dapat dikumpulkan	187
Jadual 4.3 Fatwa mengenai akidah di negeri Kelantan dalam tempoh 1990 – 2000	189
Jadual 4.4 Fatwa mengenai akidah di negeri Perlis dalam tempoh 1990 – 2000	190
Jadual 4.5 Fatwa mengenai akidah bagi Wilayah Persekutuan antara tahun 1990 – 2000	191
Jadual 4.6 Fatwa mengenai akidah oleh Jawatan Kuasa Fatwa Kebangsaan dalam tempoh 1990 - 2000	193
Jadual 5.1 Jumlah Fatwa Kategori Syariah yang Dapat dikumpulkan	273
Jadual 5.2 Fatwa mengenai ibadah bagi negeri Kelantan dalam tempoh 1990 – 2000.	275
Jadual 5.3 Fatwa mengenai ibadah negeri Perlis dalam tempoh 1990 – 2000	276
Jadual 5.4 Fatwa mengenai ibadah bagi Wilayah Persekutuan dari tahun 1990 – 2000	278
Jadual 5.5 Fatwa mengenai ibadah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam tempoh 1990 – 2000.	280
Jadual 5.6 Fatwa mengenai peraturan/pentadbiran negeri Kelantan dari tempoh 1990 - 2000	312
Jadual 5.7 Fatwa mengenai peraturan/pentadbiran negeri Perlis dalam tempoh 1990 - 2000	312
Jadual 5.8 Fatwa mengenai peraturan/pentadbiran bagi Wilayah Persekutuan dalam tempoh 1990 – 2000.	314
Jadual 5.9 Fatwa mengenai peraturan/pentadbiran bagi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam tempoh 1990 – 2000.	316
Jadual 5.10 Fatwa mengenai kemasyarakatan negeri Kelantan dalam tempoh 1990 - 2000	314
Jadual 5.11 Fatwa mengenai kemasyarakatan negeri Perlis dalam tempoh 1990 – 2000	342
Jadual 5.12 Fatwa mengenai kemasyarakatan bagi Wilayah Persekutuan dalam tempoh 1990 - 2000	343
Jadual 5.13 Fatwa mengenai kemsayarakatan bagi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam tempoh 1990 - 2000	343
Jadual 5.14 Fatwa mengenai halal /haram negeri Kelantan dalam tempoh 1990 – 2000	361
Jadual 5.15 Fatwa mengenai halal /haram negeri Perlis dalam tempoh 1990 – 2000	362
Jadual 5.16 Fatwa mengenai halal /haram dari Wilayah Persekutuan dalam tempoh 1990 - 2000	362
Jadual 5.17 Fatwa mengenai halal/ haram bagi Jawatankuasa	363

Fatwa Kebangsaan  
dalam tempoh 1990 - 2000

Rajah 1.1 Metodologi Kajian

39

PWTC	-	<i>Putera World Trade Centre</i>
s.a.w.	-	<i>Salla Allāh ‘alayh wa sallam</i>
Sek.	-	Seksyen
S.F	-	<i>Sāhib al-Faḍīlat</i>
S.S	-	<i>Sāhib al-Samāḥat</i>
SSP	-	Sijil Simpanan Premium
s.w.t.	-	<i>Subḥānah wa Ta’ālā</i>
tt.	-	tanpa tarikh
UIAM	-	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	-	Universiti Malaya
UMAH	-	Unit Makanan Halal dan Analisis
UMNO	-	<i>United Malay National Organisation</i>
UPM	-	Universiti Putra Malaysia
Us	-	Ustaz
USM	-	Universiti Sains Malaysia
vol.	-	volume
Y.A.A	-	Yang Amat Arif
Y.Bhg	-	Yang Berbahagia
YDPA	-	Yang di-Pertuan Agong
Warta	-	Warta Kerajaan

## JADUAL TRANSLITERASI

Bacaan	Huruf 'Arāb	Transliterasi
Alif	ا	-
bā'	ب	b
tā'	ت	t
Thā'	ث	th
Jīm	ج	j
Hā'	ه	h
Khā'	خ	kha
Dāl	د	d
Dhāl	ذ	dh
rā'	ر	r
Zay	ز	z
Sīn	س	s
Syīn	ش	sy
Sād	ص	ṣ
Dād	ض	ḍ
ṭā'	ط	ṭ
Zā'	ظ	ẓ
'ayn	ع	'
Ghayn	غ	gh
fā'	ف	f
Qāf	ق	q
Kāf	ك	k
Lām	ل	l
Mīm	م	m
Nūn	ن	n
Wāw	و	w
Hā	ه	h
Hamza $\underline{t}$	ء	a/a'
Yā	ي	y
ta marbūṭat	ة	t̄

### VOKAL

Dalam sistem vokal 'Arab ada vokal pendek, ada vokal panjang dan ada diftong:

1. Pendek	2. Panjang	3. Diftong
_____ a	ا _____ ā	اي _____ ay
_____ i	ي _____ ī	او _____ aw
_____ u	و _____ ū	

Berdasarkan Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, cetakan 1988.

**ANALISIS PENGGUNAAN KAEDAH *ISTINBĀT***  
**DALAM PENETAPAN FATWA DI MALAYSIA:**  
**KAJIAN DI JABATAN-JABATAN MUFTI TERPILIH**

**ABSTRAK**

Fatwa merupakan hasil ijihad mufti terhadap pertanyaan *mustafī* mengenai sesuatu masalah yang dihadapi. Ia dicapai setelah penelitian dibuat terhadap sesuatu kes yang dihadapi merujuk kepada sumber-sumber hukum yang sah menurut syarak. Selain merujuk kepada sumber-sumber yang sah, sesuatu hukum hanya diperakukan setelah melalui proses *istinbāt* yang menepati kehendak syarak juga. Kajian ini bertujuan menganalisis kaedah-kaedah *istinbāt* dalam penetapan fatwa-fatwa rasmi sepanjang tempoh sepuluh tahun mulai tahun 1990 hingga tahun 2000 di Malaysia merujuk kepada fatwa rasmi beberapa pihak berkuasa mengenainya yang terpilih. Secara khususnya pula, kajian ini berusaha meneliti empat perkara iaitu ketekalan (*consistency*) kaedah-kaedah *istinbāt* yang diikuti dalam proses pemfatwaan di Malaysia, keterikatan dengan mazhab dalam amalan pemfatwaan di Malaysia, pematuhan aspek *maṣlaḥat* dan 'urf atau adat setempat dalam penetapan sesuatu fatwa, dan perbandingan amalan kaedah *istinbāt* di beberapa buah Jabatan Mufti di Malaysia. Analisis dibuat berdasarkan fatwa-fatwa rasmi beberapa pihak berkuasa fatwa yang telah dipilih, terdiri daripada Jabatan-jabatan Mufti Kelantan, Perlis, Wilayah Persekutuan dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sebagai mewakili pihak-pihak berkuasa fatwa yang lain di Malaysia. Dalam kajian ini, sebanyak 217 fatwa rasmi pihak berkuasa fatwa berkenaan telah dikenal pasti. Daripada jumlah tersebut 23 fatwa adalah dari negeri Perlis, 59 fatwa

dari negeri Kelantan, 90 fatwa dari Wilayah Persekutuan dan 45 fatwa bagi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Daripada jumlah keseluruhannya, 27 fatwa dipilih untuk dianalisis kaedah *istinbāt*nya. Daripada kajian ini jelaslah bahawa hubungan antara fatwa dan kehidupan masyarakat Islam amat rapat sekali. Dalam perlaksanaannya mufti menetapkan fatwa mengikut kaedah-kaedah tertentu sama ada yang digariskan dalam ilmu *uṣūl al-fiqh* ataupun perundangan dalam negara yang digubal oleh pihak pemerintah. Walaupun ada kelemahan di sana sini dalam pengaplikasian kaedah-kaedah untuk mengistinbāt hukum tersebut, ia boleh diperbaiki dari semasa ke semasa.

# AN ANALYSIS OF THE USE OF THE *ISTINBĀT* METHOD

## IN DETERMINING THE FATWA IN MALAYSIA:

### A STUDY AT THE SELECTED MUFTI'S DEPARTMENTS

#### ABSTRACT

Fatwa is the outcome of *ijtihad* by a *mufti* to the question of a *mustafti* regarding a problem that he faces. The decision of the Islamic legal law (*hukm*) is reached after carefully examining a particular case being dealt with an authentic sources of the Islamic law according to *syarak*. Beside referring to these sources Islamic law will only be declared legitimate after going through the practice of *istinbāt* which also fulfils the conditions of *syarak*. This study aims to analyze the methods of *istinbāt* used in determining the official *fatwas* over a ten year period from 1990 to 2000 in Malaysia with reference to selected official *fatwa* of some authorities. Specifically, this study attempts to examine four things, namely the consistency of the methods of *istinbāt* used in the process of constituting *fatwa* in Malaysia, the bound to the *mazhab* in the practice of determining the *fatwa*, the applying of the aspect of *maṣlaḥat* (interest) and restricted ‘urf (custom), and the comparisons of the practice of the method of *istinbāt* in some selected *mufti* departments in Malaysia. In this study, the analysis is carried out based on the official *fatwas* of some selected *fatwa* authorities which include the Departments of Mufti Kelantan, Perlis, Wilayah Persekutuan and Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan representing other departments in Malaysia. In this study, 217 official *fatwas* have been identified. Among these, 23 *fatwas* are from Perlis, 59 *fatwas* are from Kelantan, 90 *fatwas* are from Wilayah Persekutuan, and 45 *fatwas* are from Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. From the total number, 27 *fatwa* were chosen for analyzing their

methods of *istinbāt*. From the study it shows that there is a close relationship between *fatwa* and the ways of life of Muslim society. In practice, the mufti determines the *fatwa* according to certain methods either outlined by the method of *usul fiqh* or the law enacted by the ruler. Even though there are some weaknesses in the application of methods of *istinbāt*, it can be improved from time to time.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan mengenai latar belakang kajian ini secara keseluruhannya. Ia meliputi pengenalan ringkas tentang fatwa yang menjadi bahan kajian, permasalahan kajian, sorotan ringkas kajian lepas, penentuan batasan dan skop kajian, penjelasan tentang kepentingan atau signifikan kajian ini dilakukan, objektif kajian dan seterusnya metod yang digunakan dalam menjalankan kajian ini dari awal hingga ke akhirnya.

Fatwa<sup>1</sup> adalah perkataan Arab yang berasal dari kata *fatā-yaftū-fatwan*. *Fatwa* atau *futyā* yang bererti *iftā'* ialah perbuatan seorang alim mengeluarkan hukum-hakam berkaitan dengan syariah. Menurut Ibn Manzūr (1956) dalam *Lisān al-'Arab*, perkataan *futan* dan *fatwā*, adalah perkataan-perkataan yang digunakan berkaitan *al-iftā'*, yang bermaksud satu perbuatan yang dilakukan oleh *muftī* mengenai sesuatu hukum, atau suatu keputusan yang ditetapkan oleh seorang *faqīh* (ahli hukum Islam).

Menurut Buṭrusy al-Bustānī (1870: 2/1574), apabila ditanya seorang alim mengenai sesuatu masalah dan diperolehi jawapan yang nyata, maka itu adalah fatwa, dan orang alim itu ialah mufti. Idris al-Marbawi menjelaskan bahawa

---

<sup>1</sup> Penggunaan kata fatwa terdapat di beberapa tempat di dalam Al-Quran seperti: *al-Nisā'* 4: 127, *al-Nisā'* 4: 176, *Yūsuf* 12: 43, *al-Naml* 27: 32, *al-Naḥl* 16: 43.

perkataan *fatwā* (atau kata jamak *fatawā*) atau *futyā* itu adalah berasal dari perkataan Arab diterima pakai dalam bahasa Melayu dengan pengertian hukum syarak yang dikeluarkan oleh mufti. *Iṣṭaftā* ertiannya meminta fatwa, manakala *al-muftī* pula orang yang memberikan fatwa (al-Marbawi, tt)

Perkataan yang hampir dengan *fatwā* atau *futyā* ialah *fatā*. Ia bererti pemuda yang cergas, sihat dan gagah (al-Marbawi, tt). Kaitannya dengan fatwa ialah seseorang yang memberi fatwa (mufti) memberi jawapan dan penjelasan bagi sesuatu kesamaran dan jawapan yang diberinya itu menjadi suatu hukum bagi membolehkan sesuatu perkara diterima atau diamalkan dengan penuh keyakinan, kesungguhan dan kekuatan dalam diri seseorang.

Dari segi istilah syarak, *fatwa* atau *futyā* bermaksud jawapan syarak terhadap persoalan yang ditimbulkan oleh *al-muftī*. (Mahmud Hamid, 2000:172) atau tidak. Ia merupakan hasil ijтиhad seseorang mufti. Jadi, salah satu syarat penting bagi lahirnya sesuatu fatwa memerlukan kewujudan seorang mufti yang cukup syaratnya. Menurut al-Imām al-Ghazālī, ulama bersepakat bahawa harus bagi mufti yang mujtahid dan adil mengeluarkan fatwa. Seseorang mufti perlu berpengetahuan luas mengenai hal-hal agama, adil dan mengetahui mengenai periwayatan hadis (*rāwi al-hadīs*) dengan baik (al-Ghāzālī, 1324H: 2/66-8, 403)

Menurut al-Āmidī (1980) mufti mestilah seorang yang layak untuk melakukan ijтиhad, mengetahui semua jenis dan tingkatan dalil-dalil *al-‘aqliyāt* dan dalil-dalil *al-sam’iyāt*, mengetahui hal *al-nāsikh* wa *al-mansūkh*, hukum-hukum yang bertentangan, cara mengutamakan hukum, proses untuk mengeluarkan hukum, mestilah seorang yang *adil* dan *thiqah*, dan disunatkan supaya mufti berniat, iaitu menetapkan tujuan dia mengeluarkan fatwa ialah untuk memberi petunjuk dan ajaran kepada orang ramai mengenai hukum Islam. Di tempat lain beliau

perkataan *fatwā* (atau kata jamak *fatāwā*) atau *futyā* itu adalah berasal dari perkataan Arab diterima pakai dalam bahasa Melayu dengan pengertian hukum syarak yang dikeluarkan oleh mufti. *Iṣṭaftā* ertiannya meminta fatwa, manakala *al-muftī* pula orang yang memberikan fatwa (al-Marbawi, tt)

Perkataan yang hampir dengan *fatwā* atau *futyā* ialah *fatā*. Ia bererti pemuda yang cergas, sihat dan gagah (al-Marbawi, tt). Kaitannya dengan fatwa ialah seseorang yang memberi fatwa (mufti) memberi jawapan dan penjelasan bagi sesuatu kesamaran dan jawapan yang diberinya itu menjadi suatu hukum bagi membolehkan sesuatu perkara diterima atau diamalkan dengan penuh keyakinan, kesungguhan dan kekuatan dalam diri seseorang.

Dari segi istilah syarak, *fatwa* atau *futyā* bermaksud jawapan syarak terhadap persoalan yang ditimbulkan oleh *al-muftī*. (Mahmud Hamid, 2000:172) atau tidak. Ia merupakan hasil ijtihad seseorang mufti. Jadi, salah satu syarat penting bagi lahirnya sesuatu fatwa memerlukan kewujudan seorang mufti yang cukup syaratnya. Menurut al-Imām al-Ghazālī, ulama bersepakat bahawa harus bagi mufti yang mujtahid dan adil mengeluarkan fatwa. Seseorang mufti perlu berpengetahuan luas mengenai hal-hal agama, adil dan mengetahui mengenai periwayatan hadis (*rāwi al-ḥadīs*) dengan baik (al-Ghāzālī, 1324H: 2/66-8, 403)

Menurut al-Āmidī (1980) mufti mestilah seorang yang layak untuk melakukan ijtihad, mengetahui semua jenis dan tingkatan dalil-dalil *al-‘aqliyāt* dan dalil-dalil *al-sam’iyāt*, mengetahui hal *al-nāsikh* wa *al-mansūkh*, hukum-hukum yang bertentangan, cara mengutamakan hukum, proses untuk mengeluarkan hukum, mestilah seorang yang *adil* dan *thiqah*, dan disunatkan supaya mufti berniat, iaitu menetapkan tujuan dia mengeluarkan fatwa ialah untuk memberi petunjuk dan ajaran kepada orang ramai mengenai hukum Islam. Di tempat lain beliau

menjelaskan bahawa seorang mufti yang layak untuk mengeluarkan fatwa itu mestilah terdiri dari orang yang cukup sifat untuk melakukan ijtihad sama ada *ijtihād muṭlaq* atau *ijtihād fi al-mazhab* dengan syarat ia mengetahui secara terperinci mengenai kaedah perundangan Islam yang dilakukan oleh imam mazhab yang diikuti.

Ibn al-Qayyim menjelaskan bahawa al-Imām al-Syāfi‘ī menegaskan bahawa seseorang tidak boleh mengeluarkan fatwa melainkan jika ia betul-betul memahami Al-Quran mengenai *nāsikh* dan *mansūkh*, hukum-hukum yang bersangkutan dengannya, *ta’wīl* dan sebab-sebab diturunkan sesuatu ayat Al-Quran (*asbāb al-nuzūl*), ayat *Makki* dan ayat *Madani*, dan maksud (*maqāṣid*) bagi sesuatu ayat, ia mesti betul-betul mengetahui hadis seperti ia mengetahui Al-Quran, ia hendaklah di memahami dengan baik tentang ilmu bahasa Arab serta perkara-perkara yang bersangkutan dengannya, dan memahami kehendak sesuatu masyarakat semasa di dalam negeri yang tertentu mengenai sesuatu hukum serta hukum itu dikeluarkan dengan penuh keinsafan (Ibn al-Qayyim, 1317H: 1/46-47)

Abu al-Hasan al-Basri dalam *Kitāb al-Mu’tamad fī Uṣūl al-Fiqh* mengatakan bahawa mufti merupakan seorang yang mempunyai sifat seorang mujtahid. Apabila hendak mengeluarkan fatwa sama ada untuk dirinya atau untuk orang lain, beliau hendaklah seorang yang mampu berijtihad, mampu memahami betul-betul dalil-dalil dalam Al-Quran dan hadis, mampu *istinbāt* hukum melalui fahaman zahir, atau melalui proses *istidlāl* dengan menggunakan *al-qiyās*. (Abū al-Ḥasan, 1965: 2/929)

Ringkasnya bukan semua orang boleh menjadi mufti. Hanya mereka yang mempunyai kelayakan tertentu sahaja layak bergelar mufti kerana beliau

bertanggung jawab menyimpulkan sesuatu keputusan hukum melalui cara dan kaedah tertentu yang akan menjadi hukum syarak.

Dari penjelasan sedemikian dapatlah disimpulkan bahawa mufti merupakan seorang mujtahid. Dalam hubungan ini Ibn al-Qayyim membahagikan mufti kepada empat kategori mengikut keutamaan masing-masing. Pertama, mufti yang alim berhubung dengan Al-Quran dan hadis serta *qawl al-sahābat*. Walaupun kadang-kadang beliau merujuk kepada pendapat ulama lain, namun beliau berpegang dengan pendapat mereka yang lebih alim daripadanya. Mufti jenis ini benar-benar mampu berfatwa dan layak melakukan ijtihad. (Ibn al-Qayyim, 1317H: 4/212)

Kedua, mufti berupa seorang mujtahid bagi satu mazhab tertentu. Dia alim segala fatwa, pendapat, tempat pegangan dan sumber perundangan Islam bagi mazhab yang didukungnya. Beliau mampu memberi fatwa berlainan mazhab bersendirian tanpa mengikuti jejak langkah imamnya dari segi hukum dan dalil. (Ibn al-Qayyim, 1317H: 4/212-213)

Ketiga, mufti berupa seorang mujtahid yang berpegang kepada satu mazhab sahaja. Beliau hanya mendukung mazhab tersebut sahaja dan tidak mengeluarkan fatwa yang berlawanan dengan fatwa yang dikeluarkan oleh imamnya. (Ibn al-Qayyim, 1317H: 4/213-214)

Keempat, mufti yang alim dalam berbagai mazhab dan menghafaz semua fatwa dengan pecahannya. Beliau menganggap dirinya sebagai seorang pengikut mazhab dalam semua aspek. Jika beliau mengeluarkan dalil dari Al-Quran atau

hadis mengenai sesuatu masalah, tujuannya adalah untuk mendapat berkat sahaja bukan untuk berhujah. (Ibn al-Qayyim, 1317H: 4/214)<sup>2</sup>

Fatwa merupakan satu unsur penting dalam undang-undang Islam sepanjang perkembangan sejarahnya. Fatwalah yang ditanya oleh orang ramai apabila timbul sesuatu persoalan hukum di dalam masyarakat. Ia membimbang, menerang dan memberi jawaban terhadap persoalan yang dihadapi itu dalam semua kegiatan hidup masyarakat termasuk persoalan kepercayaan, amalan, budi pekerti malah persoalan kehidupan umat manusia semasa dan persoalan kemungkinan masa hadapan. Pada lazimnya ia mempunyai kuasa atau otoriti di dalam pentadbiran agama yang dipatuhi baik berdasarkan kesedaran beragama atau kadang-kadang secara kuat kuasa undang-undang oleh pihak pemerintah yang mewajibkan fatwa itu diikuti.

Oleh kerana ia merupakan jawapan dan reaksi kepada persoalan-persoalan dalam kehidupan seharian daripada aspek agama, maka fatwa adalah sesuatu yang hidup, dinamik, berkembang dan merupakan tindak balas kepada pemikiran dan keintelikualan masyarakat semasa. Ini disebabkan soalan-soalan kepada fatwa lahir hasil natijah keperluan serta kehendak sebenar dan semasa anggota masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan. Begitu juga jawapan kepada persoalan itu merupakan satu usaha intelek untuk merumus dan mengistinbāt<sup>3</sup>kan prinsip-prinsip syariat dari sumbernya yang pelbagai.

(Hidayat: 2004)

---

<sup>2</sup> Jamal al-dīn al-Qāsimī membahagikan mufti kepada dua jenis iaitu mufti *mustaqil* dan *ghayr mustaqil* (*Kitāb al-Fatāwā fī al-Islām*, t.t:15-16) Ibn 'Ābidīn membahagikan orang yang menghabarkan hukum (mufti) kepada beberapa tingkat iaitu *mujtahid*, *mujtahid fī al-madhab*, *mujtahid fī al-masā'il* dan *muqallid* yang terbahagi kepada beberapa tingkat lagi. (*Majmū'at Rasā'il Ibn 'Ābidīn*, 1325H: 11)

<sup>3</sup> *Istinbāt* lihat *infra* bab 2 sub-topik 2.7.

Dari segi sejarah fatwa, menurut Ibn al-Qayyim, terdapat lebih daripada 130 orang sahabat Rasulullah s.a.w. sama ada lelaki atau wanita telah mengeluarkan fatwa mengenai hukum syarak. Daripada jumlah tersebut, tujuh orang yang paling aktif mengeluarkan fatwa adalah 'Umar ibn al-Khaṭṭāb, 'Alī bin Abī Ṭālib, 'Abd Allāh bin Mas'ūd, 'Ā'isah bint Abū Bakr, Zayd bin Thābit, 'Abd Allāh bin 'Abbās dan 'Abd Allāh bin 'Umar. (Ibn Qayyim, 1317H: 1/11)

Setelah Rasulullah s.a.w. wafat, Abū Bakr dilantik menjadi khalifah pertama di dalam pemerintahan kerajaan Islam. Ketika itu ramai sahabat yang keluar berjauhan untuk berperang di beberapa tempat seperti berperang dengan Musaylamah, golongan orang murtad, puak Syam, puak Iraq dan tinggal sebahagian sahaja para sahabat bersama-sama khalifah mentadbir negara. Dalam urusan penentuan hukum, khalifah merujukkan kepada Al-Quran dan hadis, sekiranya tidak terdapat hukum di dalam Al-Quran atau hadis, beliau merujukkan kepada para sahabat yang berada bersama-samanya untuk mendapatkan maklumat yang mereka ketahui tentang Al-Quran dan hadis. Sekiranya para sahabat juga tidak mempunyai maklumat mengenai masalah yang dihadapi maka beliau berijtihad<sup>4</sup> untuk mengeluarkan fatwa mengenai sesuatu hukum dan fatwa itu menjadi hukum kepada orang ramai. (Othman, 1981: 2)

Begitulah kaedah yang diikuti oleh tiga orang khalifah selepas khalifah Abū Bakr iaitu Khalifah 'Umar ibn al-Khaṭṭāb, 'Uthmān ibn 'Affān dan 'Alī ibn Abī Ṭālib dalam hal pentadbiran negara dan penetapan hukum. Mereka berijtihad mengeluarkan fatwa sendiri apabila tidak terdapat hukum di dalam Al-Quran

---

<sup>4</sup> *Ijtihad* dalam ilmu *Uṣūl al-Fiqh* ialah usaha-usaha yang bersungguh-sungguh untuk mendapat hukum syarak. Lihat Ibn Qayyim, 1317H: 1/11-12.

atau hadis tentang sesuatu masalah yang dihadapi. Fatwa yang dikeluarkan oleh mereka menjadi hukum yang muktamad. (Ibn al-Qayyim, 1317H: 1/11-2)

Fatwa-fatwa para sahabat telah difahami dan diterima menjadi pegangan para *tābi‘īn* dan kemudian oleh para *tābi‘ al-tābi‘īn* dengan baik seperti Abū Ḥanīfah, Sufyān ibn Abī Layla di Kufah, ibn Jarīr di Makkah, Mālik bin Anas, ibn al-Majīsyūn di Madinah, ‘Uthmān al-Butī, Suwār di Basrah, al-Auza‘ī di Syam, dan al-Layth bin Sa‘d di Mesir. Mereka juga berijtihad dan mengeluarkan fatwa sendiri jika mereka tidak mendapati hukum sesuatu masalah yang dihadapi di dalam Al-Quran dan hadis, atau fatwa ulama yang terdahulu daripada mereka. Fatwa mereka kemudian menjadi pegangan mereka yang datang kemudian sama ada di Madinah atau di Kufah. (Ibn al-Qayyim, 1317H: 1/22-30)

Di Malaysia kegiatan fatwa telah lama bermula dan berkembang. Masyarakat Islam negara ini dari semua lapisan, termasuk pihak pemerintah sejak dahulu lagi telah meminta para ulama memberi fatwa-fatwa tertentu yang menyentuh kepentingan berbagai-bagai kehidupan masyarakat dan negara. Daripada aspek sejarah fatwa merupakan satu dokumen yang penting bagi menggambarkan perkembangan pemikiran umat Islam di negara ini terutama berhubung dengan perundangan Islam. Malangnya, secara keseluruhannya dokumen-dokumen yang berharga ini tidak tersusun dan terkumpul secara teratur dan sistematik. Tiada juga usaha bersungguh-sungguh dilakukan untuk memberi ulasan, kritikan dan penilaian semula dari asas-asas perundangan Islam terhadap hasil yang bernilai itu. Justeru, daripada aspek *uṣūl fiqh*<sup>5</sup>, masyarakat hanya mengetahui

---

<sup>5</sup> Ilmu *Uṣūl al-Fiqh* ialah ilmu yang menjelaskan kaedah-kaedah yang digunakan oleh para *imām mujtahid* dalam usaha mereka mengistinbākan dan mempelajari hukum-hukum agama dari nas-nas dengan mengeluarkan *illat-illat* yang ditegakkan hukum atasnya dan menyentuh *maṣlaḥat-maṣlaḥat* yang dikehendaki oleh syarak dan diisyaratkan oleh Al-Quran serta dijelaskan atau ditunjukkan oleh sunah Nabi. Ilmu ini juga merupakan kumpulan kaedah-kaedah yang menjelaskan tentang cara-cara mengeluarkan hukum (*istinbāt*) dari sumber-sumber hukum (*maṣādir al-aḥkām*), baik

fatwa atau hukumnya sahaja tetapi tidak memperolehi maklumat lengkap bagaimana sesuatu fatwa atau hukum tersebut diistinbākān. (Hidayat, 2004: 3)

Sungguhpun fatwa mempunyai otoriti dari aspek teori perundangan Islam, dan secara umumnya diyakini oleh masyarakat akan kesahihan dan ketepatannya mengikut kaedah hukum Islam, namun terdapat juga pihak-pihak tertentu dalam masyarakat mempersoalkannya dari aspek sistem dan pentadbiran institusi fatwa.

Di Malaysia, antara persoalan yang sering dibangkitkan berhubung fatwa ialah ketidakseragamannya antara negeri-negeri di dalamnya. Perkara ini menjadi persoalan kerana Malaysia bukanlah sebuah negara yang besar. Jarak antara sesuatu negeri tidak terlalu jauh. '*Urf*'<sup>6</sup> di Malaysia juga hampir sama sahaja.

Satu daripada perkara yang dijangkakan menjadi punca perbezaan ialah kaedah penetapan hukum yang digunakan. Sarjana pernah mencadangkan supaya acara *istinbāt* diubah dengan merujuk kepada Al-Quran dan hadis pada permulaannya selain daripada membuat rujukan kepada kitab-kitab fikah untuk mencari tempat-tempat *ijmā'* sesuatu hukum itu. Juga dicadangkan rujukan kepada kitab fikah tidak terikat kepada mazhab Syāfi'i sahaja bahkan juga kepada mazhab-mazhab Sunni yang lain, sungguhpun mazhab Syāfi'i adalah diutamakan. Rujukan juga harus dibuat kepada fatwa-fatwa di negara-negara Islam yang lain sekiranya boleh. Sekiranya tidak dapat juga mengistinbākān hukum maka hendaklah berijtihad menggunakan kaedah-kaedah *uṣūl al-fiqh*.

---

kaedah yang bersifat *lafzī* – seperti mempelajari petunjuk-petunjuk lafaz-lafaz syarak (*dalālat al-alfāz al-syar'iyya*) kepada pengertian-pengertiannya, kaedah mengistinbākān hukum-hukum dari petunjuk-petunjuk lafaz-lafaz itu dan cara mengkompromikan *dilālat al-alfāz* ketika bertentangan pada lahirnya atau berbeda masanya – maupun bersifat *ma'nawiy* seperti mengeluarkan *'illat-'illat* dari nas-nas dan mengumumkannya. (Muhammad Abū Zahrah, 1969).

<sup>6</sup> 'Urf lihat *infra* Bab 2, sub topik 2.5.F.

Akhirnya jika tidak berjaya juga barulah menggunakan kaedah-kaedah fikah (*al-qawā'id al-fiqhiyat*). Sebaik-baiknya sesuatu hasil kajian itu hendaklah dibentang dalam mesyuarat jawatan kuasa fatwa untuk dibincangkan. Ketika memutuskan sesuatu fatwa pula aspek *maṣlaḥat*<sup>7</sup> umat harus diberi keutamaan. (Mat Saad, 1998)

### 1.1 Permasalahan Kajian

Sebagaimana dinyatakan di atas, fatwa merupakan suatu reaksi atau jawapan terhadap persoalan dalam kehidupan yang dihadapi sehari-hari oleh semua anggota masyarakat. Oleh itu ia adalah suatu yang hidup, berkembang, dinamik dan merupakan cerminan kepada pemikiran atau keintelektualan masyarakat tersebut. Ia lahir hasil daripada kegiatan dan amalan semasa anggota masyarakat dalam kehidupan mereka serta usaha intelek merumus dan mengistinbāt prinsip-prinsip syarak daripada sumbernya yang pelbagai.

Antara persoalan yang timbul berkaitan fatwa ini ialah adakah sesuatu fatwa atau hukum yang lahir dari sesuatu proses *istinbāt* itu sebenarnya merupakan hasil dari suatu pemikiran rasional dan sistematik? Sebabnya, dalam hal ini terdapat pendapat yang mengatakan bahawa fatwa oleh para mufti dalam Islam hanyalah berdasarkan spekulasi mereka semata-mata tanpa merujuk kes-kes yang benar-benar berlaku, tidak berdasarkan kepada skima pemikiran rasional, logik dan sistematik. Selain itu fatwa juga dikatakan sebagai suatu yang muktamad dan tidak boleh dirombak.

Semua pendapat dan kenyataan ini sebenarnya boleh ditentukan kesahihannya dengan merujuk kepada fatwa-fatwa yang ada dan meneliti proses penetapannya yang dilakukan berdasar kepada peraturan-peraturan dan

---

<sup>7</sup> *maṣlaḥat* lihat *infra* Bab 2, sub topik 2.5.E.

prosedur-prosedur *istinbāt* yang wujud. Kajian bagi melakukan penilaian begini terhadap perkara yang ditimbulkan di atas akan cuba menjawab sejauhmanakah sistematik, rasional serta bakunya *istinbāt* setiap fatwa yang dihasilkan.

Persoalan lain yang dibangkitkan ialah mengenai budaya keterikatan atau tidak dengan sesuatu mazhab dalam *istinbāt* yang dibuat ketika memutuskan sesuatu hukum dan fatwa. Di Malaysia sebagaimana termaktub pada Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan, negara ini menerima Islam sebagai agama Persekutuan.<sup>8</sup> Agama Islam yang diterima adalah dari aliran *Ahl al-Sunnat wa al-Jamā'at* dan pegangan fikah mazhab Syāfi'i. Sejauhmanakah keterikatan dan ketidakterikatan berlaku dalam fatwa-fatwa di negara ini? Bagaimana pula perlaksanaan pengikutan *ahl al-Sunnat wa al-jamā'at* di negeri Perlis yang dikatakan berbeza daripada negeri-negeri lain di Malaysia? (Mohd Radzi dan O.K Rahmat, 1995). Kata al-Zuhayli, "Sesiapa yang menghadkan *fiqh Islāmi* semata-mata berdasarkan Al-Quran, sebenarnya telah merosakkan Islam daripada akar umbinya. Begitu juga sesiapa yang menghadkan fikah berdasarkan Al-Sunnah sahaja, sesungguhnya telah menyempitkan Islam. Ia mengabaikan sebahagian daripada urusan kehidupan dan menjadikan fikah tidak sesuai dengan keperluan manusia dan ia telah gagal menyempurnakan kepentingan manusia. Sebenarnya di mana sahaja terdapat *maṣlaḥat*, di situ ada syariat Allah s.w.t dan agamaNya." (al-Zuhayli, 1985) Jadi bagaimanakah keadaannya di Malaysia dalam persoalan ini?

Terdapat juga kenyataan mengatakan bahawa fatwa-fatwa oleh mufti dalam Islam tidak berkaitan langsung dengan keadaan realiti masyarakat Islam bahkan mungkin bertentangan dengan keadaan realiti sebenar yang wujud dalam

masyarakat, walhal, sesuatu ketetapan hukum dan fatwa yang diputuskan perlulah mengambil kira *maṣlaḥat* umat dan ‘urf setempat. Ia dilihat daripada segi kesan pelaksanaan keputusan sama ada dalam jangka masa panjang atau pendek. (M. Daud, 1997) Sepatutnya sesuatu fatwa itu dikuat kuasakan bertujuan mendatangkan kebaikan yang sesuai dengan keperluan manusia dan tidak memudaratkan mana-mana pihak, serta boleh diamalkan pada bila-bila masa dalam masyarakat seperti di negara ini. Ini adalah kerana fikah itu sememangnya menjaga dan meraih kepentingan semua pihak agar tidak abaikan. Jika berlaku pertentangan antara dua pihak, maka kepentingan ramai diutamakan. Jika berlaku pertentangan di antara dua individu, maka diutamakan kepentingan pihak yang menanggung kemudaratan yang lebih besar. Ini berdasarkan prinsip (لا ضرر ولا ضرار) "tiada kemudaratan di dalam Islam dan tidak boleh membala kemudaratan dengan kemudaratan dengan kemudaratan lain." Dan prinsip (إذا تعارض مفسدتان روعي أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما) "apabila bertembung dua *mafsadat*, diperhatikan yang manakah lebih besar mudaratnya untuk ditinggalkan serta mengambil yang lebih ringan." (al-Zuhayli, 1994) Jadi, bagaimanakah proses *istinbāt* yang berjalan mengambil kira persoalan yang penting ini? Sejauh manakah ia memenuhi kehendak *maṣlaḥat* dan ‘urf tempatan?

Kesimpulannya, senario yang dikemukakan di atas berupaya mengundang keraguan terhadap institusi kefatwaan dalam negara ini. Walaupun fatwa atau hukum yang diberikan oleh pihak berkuasa fatwa negeri-negeri dan boleh diamalkan, namun beberapa persoalan di sebalik kewujudan hukum itu boleh menyebabkan ia tercabar. Bertolak dari isu-isu dan persoalan-persoalan yang

---

<sup>8</sup> Teks penuh peruntukan tersebut ialah "Ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan; tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan".

diutarakan di atas, maka kajian ini cuba mencari jawapan yang lebih pasti melalui analisis yang dilakukan

## 1.2 Kajian Lepas

Sehingga tahun enam puluhan tidak terdapat koleksi atau kompilasi fatwa diterbitkan di Semenanjung Tanah Melayu selain *al-Fatāwa al-Faṭaniyyat* di Pattani pada 1903, dan beberapa catatan di Johor sekitar tahun 1930'an. Dengan itu, negeri-negeri Melayu telah kehilangan khazanah maklumat yang berharga lagi bernilai mengenai perkara ini lebih daripada setengah abad. (Hooker, 1993)

Menurut Hooker lagi, walaupun kegiatan pemfatwaan telah bermula sejak awal kurun ke-20 di Tanah Melayu, namun pengumpulannya hanya bermula dalam tahun 1960'an. Sejak itu, dari tahun 1960 hingga 1985 terdapat 1,539 fatwa yang direkodkan. Dua buah negeri yang paling banyak menyimpan rekod fatwanya ialah negeri Terengganu dan negeri Johor. Keadaan ini menurut pendapat beliau adalah kerana dua buah negeri tersebut telah memberi perhatian yang kuat kepada pentadbiran agama. Manakala negeri-negeri lain pula kurang catatan fatwanya disebabkan beberapa faktor yang sangat mempengaruhinya seperti masyarakat tidak mempunyai maklumat tentang wujudnya peraturan mengenai fatwa, mereka banyak bergantung kepada guru-guru agama yang hidup bermasyarakat bersama-sama dengan mereka lalu sering merujuk kepada guru-guru tersebut dan faktor peranan yang dimainkan oleh media buku-buku agama yang senang diperolehi dengan harga yang murah. (Hooker, 1993)

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Hooker di atas, dokumen bertulis paling awal yang dapat dikesan ialah fatwa-fatwa dalam *al-Fatāwa al-Faṭaniyyat* yang

disusun oleh Ahmad Muhammad Zain al-Fatani atau lebih dikenali sebagai Syeikh Ahmad Fatani (m 1908). fatwa *al-Fatāwa al-Faṭāniyya*<sup>9</sup> ini dikeluarkan oleh Wan Ismail Ahmad Fatani di Pattani dan diterbitkan semula di Kuala Lumpur pada tahun 1996.

Menurut William R. Roff (1984) pula bahawa sememangnya terdapat fatwa-fatwa pada masa dahulu khususnya pada suku pertama kurun ke-20 yang diputuskan oleh pihak-pihak berkuasa negeri-negeri melalui Majlis Agama Islam negeri-negeri atau oleh Mufti-mufti yang dilantik oleh Sultan. Bagaimanapun fatwa-fatwa itu berselerak di pelbagai tempat dan hanya akan dirujuk apabila ada kepentingannya. Contohnya, beliau merujuk kepada keputusan *State Council of Perak* pada 15 Februari 1922 yang merujuk kepada fatwa Syeikh al-Islam Perak, Syeikh Mohamed Salleh yang memfatwakan sebagai haram mana-mana amalan yang mengandungi unsur riba.

Selepas tahun enam puluhan inisiatif menghimpun fatwa-fatwa semakin meningkat. Antara yang diterbitkan ialah Koleksi Fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Terengganu: Dari Tahun Hijrah 1372-1389 Bersamaan Tahun 1953-1970 (terbitan tahun 1971)<sup>9</sup>, Koleksi Fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Johor: 1356-1381 Hijrah bersamaan 1936 - 1961 Miladiyah (terbitan tahun 1981)<sup>10</sup>, Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Kelantan dalam dua jilid. Jilid pertama pada tahun 1987 diselenggarakan oleh Dato' Haji Ismail Yusuf. Jilid kedua terbit pada tahun 1993 diselenggara oleh Dato' Muhammad Shukri Muhammad. Terdapat juga usaha secara kecil-kecilan yang lain, antaranya Koleksi Fatwa Kedah Darul Aman (tanpa tarikh), Ajaran dan Amalan Yang Telah difatwakan Menyeleweng

---

<sup>9</sup> Diterbit sempena genap 25 tahun pemerintahan Sultan Ismail Nasiruddin Shah.

<sup>10</sup> Himpunan fatwa-fatwa oleh mufti Dato' Syed Alwi bin Tahir al-Haddad.

dan Sesat Dalam Negeri Selangor (1985-1995) dan Fatwa Warta Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (1991-1997). Koleksi lain ialah *Fatwa Mufti Negeri Melaka* (terbitan 1994), *Himpunan Fatwa Negeri Perlis Jilid Pertama* (tanpa tarikh), *Perkara-perkara yang difatwakan oleh Jemaah Ulama Kelantan dari tahun 1993-1999* yang diusahakan oleh 'Uthman Ibrahim, *Himpunan Fatwa Mufti Negeri Terengganu* (Dato' Engku Alwi Bin Engku Ambak, terbitan tahun 2002), al-Futya Kelantan (terbitan 2002) dan lain-lain.

Othman Ishak dalam tesis ijazah kedoktorannya telah melakukan kajian berkaitan institusi dan pembinaan fatwa di Malaysia dengan tajuk "Satu Kajian Kritikal Mengenai Institusi Fatwa Dalam Hukum Syarak di Negeri-negeri Melayu: Sejarah dan Interpretasinya". Kajiannya itu adalah mengenai latar belakang sejarah penubuhan institusi fatwa di negara ini serta beberapa kritikan tentang fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis-majlis Agama Islam Negeri. Tesis ini dibukukan telah diterbitkan dalam tahun 1981 sebagai "Fatwa Dalam Perundangan Islam"

Dalam kajiannya itu Othman memberi fokus kepada analisis terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh mufti dan jawatankuasa syariah negeri-negeri di Malaysia di antara tahun-tahun 1950'an hingga 1970'an. Kajiannya mendapat sebanyak 1,464 fatwa dari seluruh negeri-negeri di Malaysia termasuk fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Beliau juga turut membuat penelitian terhadap jawapan-jawapan agama yang diberikan oleh individu tertentu yang bukan mufti yang telah diterima umum dengan baik oleh masyarakat Islam. Di akhir kajiannya, beliau merumuskan:

- a. Wujud perbezaan tatacara pengeluaran fatwa di antara negeri-negeri terutama di negeri Perlis yang tidak memperuntukkan rujukan kepada

sumber *ijmā'* dan *qiyās* serta tidak terikat dengan mana-mana mazhab yang muktabar di dalam *Ahl al-Sunnat wa al-jamā'at*.

- b. Fatwa-fatwa yang diterbitkan di negeri-negeri di Malaysia kebanyakannya tidak kritikal, kerana sebahagian besarnya merupakan penerangan mengenai hukum agama yang biasa sahaja.
- c. Fatwa-fatwa kritikal yang diputuskan oleh mufti atau jawatan kuasa syariah negeri-negeri adalah tidak selaras, malah kadang-kadang bertentangan di antara satu sama lain, tidak mempunyai sandaran atau rujukan dan sering kali dipersoalkan otoritinya.
- d. Terdapat fatwa yang dikeluarkan oleh mufti dan jawatankuasa syariah negeri-negeri tidak dipatuhi oleh masyarakat, mahkamah dan kerajaan sendiri. Menurutnya, fatwa rasmi sepatutnya tidak boleh dipersoalkan oleh sesiapapun memandangkan ia sebenarnya merupakan hukum syarak yang muktamad dari pihak berkuasa yang perlu dipatuhi, dan dikeluarkan dengan persetujuan Raja atau Yang Di-Pertuan Agong atau Majlis Raja-raja Melayu dan diwartakan di dalam Warta Rasmi Kerajaan untuk dikuatkuasakan.

Dalam kajian oleh Muhammad Firdaus (1999), beliau mencadangkan dalam pembentukan hukum atau fatwa yang akan dihormati secara berkekalan dan sentiasa mendapat tempat yang sepatutnya perlulah menjunjung tinggi asas-asas keadilan dan kemaslahatan yang sebenar. Perkara ini akan tercapai jika para mufti dan penggubal hukum Islam memberi perhatian yang teliti terhadap interaksi antara wahyu dan aktiviti iandividu serta masyarakat yang diperakui oleh syarak.

Noor Naemah Abd. Rahman (2003a) pula dalam kajian beliau yang bertajuk *Fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an: Satu Analisis*, mendapati bahawa satu perkembangan satu kecenderungan dalam Jemaah Ulama Kelantan ialah memutuskan fatwa berdasarkan pendekatan *tarjih maslahi*<sup>11</sup>. Maslahat yang dilihat ialah maslahat masyarakat awam dan implikasinya terdapat keadaan yang menyebabkan pendapat dari *qawl mu'tamad* mazhab Syāfi'i telah ditinggalkan dan berpegang dengan *qawl* lain dalam mazhab Syāfi'i atau mazhab lain.

Kajian peringkat sarjana Sidi Ahmad Abdullah (1986) yang bertajuk "A Preliminary Outline of Fatwa in Malaysia, 1960-1982" membincang tajuk fatwa berkaitan aspek perundangan fikah dan pelaksanaannya di Malaysia. Kajian beliau telah dikemaskini semula dengan beberapa perkara penting dari aspek perundangan negara oleh Hooker dalam Syarahan Peringatan N.J Coulson di University of London pada tahun 1990 yang bertajuk "*Ijtihad in South East Asia*" dan telah diterbitkan semula dalam *Arab Law Quarterly* dengan tajuk "*Fatawa in Malaysia 1960 – 1985*".

Abdul Hamid Yunus (1993) dalam kajian sarjana beliau yang bertajuk "*Ijtihad dan Amalannya Dalam Pembinaan Fatwa di Malaysia*" juga menekankan aspek sejarah fatwa dan diterbitkan semula dalam Jurnal Penyelidikan Islam dengan judul "*Fatwa di Malaysia: Satu Penilaian Sejarah*". Kajian-kajian lain berkaitan pentadbiran dan institusi fatwa, antaranya *Institusi Fatwa: Peranan dan Sumbangan Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam* (Japar, 1999), *Pentadbiran Fatwa di Negeri Selangor: Kajian Terhadap Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989*. (Mazni, 2001), dan *Fatwa Jawatankuasa*

---

<sup>11</sup> Memilih pendapat berdasarkan maslahat yang diperlukan oleh golongan terbanyak dalam masyarakat.

*Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang dari Tahun 1980 hingga 1997: Satu Analisis* (Ahmad Zaharudin, 2004).

Manakala kajian lain peringkat sarjana yang ada kaitan dengan kaedah dan metodologi penetapan hukum banyak menarik minat para pengkaji melakukannya. Antara lainnya, *Sadd al-Dharā'i' Sebagai Sumber Fatwa: Satu Kajian Tentang Pemakaian Fatwa-Fatwa Negeri Selangor* (Saipul Anuar, 1999), *Doktrin Sadd al-Dharā'i' dan Pemakaianya Dalam Pemerintahan Kerajaan Negeri Kelantan dari Tahun 1990-1998* (Mohd Ramizu, 2001), *Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-fatwa: Kajian Dari Tahun 1985-1995* (Alias, 2001), *Doktrin Sadd al-Dharā'i' dan Pemakaianya Dalam Membendung Ajaran Sesat: Suatu Kajian di JAKIM* (Wan Zulkifli, 2002), *Analisis Pendekatan Ijtihad Dalam Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan*, (Mohd Nor Hashri, 2003), *Uruf Tempatan di Negeri Kedah dan Kesannya Terhadap Perubahan Hukum: Satu Analisis* (Mohd. Fauzi Audzir, 2003), *Doktrin Al-Masyaqqah Tajlib Al-Taysir: Satu Analisis Mengikut Pandangan Fuqaha* (Zainuddin Lateh, 2004), *Konsep Darurah Dalam Memenuhi Keperluan Masa Kini: Satu Huraian Tentang Teori Hukum Islam* (Wan Abdullah, 2004), *Penggunaan Maslahah Dalam Fatwa: Kajian Kes Bagi Fatwa-fatwa Yang dikeluarkan Oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia* (Mohd Nazri Asiabu, 2004) dan *Urf Tempatan di Negeri Kelantan dan Kesannya Terhadap Perubahan Hukum: Satu Analisis*, (Mohamad bin Muda, 2004)

Kajian-kajain laian yang berkaitan antaranya *Penentuan Hukum Berasaskan Ijmak oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia* (Norizan Masrion, 2005), dan *Methode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-fatwa Tahun 1990-2000* (Mohd Akram Dahaman, 2005). Kedua-dua ini

kajian peringkat sarjana di Universiti Malaya. Dari Universiti Kebangsaan, antaranya *Kaedah Fiqh dan Hubungkaitnya dengan permasalahan Fiqh Semasa* (Anwar Fakhri, 1999), *Penggunaan Maslahah Dalam Dakwah Islam Tumpuan Terhadap Fatwa-fatwa Majlis Ulama Provinsi Jambi Tahun 85-90* (Muhammad Hasbi, 1999), *Pengaruh Urf Terhadap Penetapan Hukum Fiqh* (Mohammad Zaini, 1999), *Kepentingan I'llah Dalam Pengisbatan Hukum: Fokus Kepada Maslak al-Munasabah* (Muhammad Adib, 2004), *Aplikasi Beberapa Kaedah Fiqh Dalam Undang-undang Keluarga di Malaysia: Satu Kajian Dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Pahang 1987* (Norzulalaili, 2004) dan *Aplikasi Usul dan Kaedah Fiqh Dalam Pembangunan Pasaran Modal Islam di Malaysia: Analisis Kepada Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti* (Muhammad Yusri, 2006)

Dalam kajian peringkat sarjana juga oleh Mat Jahya (1999), beliau telah membuat penelitian tentang hubungan Al-Sunnah dan fatwa di Semenanjung Malaysia. Ia cuba menilai kefahaman masyarakat Islam khususnya di Perlis mengenai institusi fatwa dan ketepatan proses penggubalan fatwa dengan kehendak Al-Quran dan Al-Sunnah

Sementara itu, Mat Saad (1998) dalam tulisannya mencadangkan supaya pegawai-pegawai *istinbāt* yang hendak dilantik di Jabatan Mufti mempunyai syarat-syarat berikut:

- a. kelayakan akademik sekurang-kurangnya ijazah pertama khusus dalam bidang syariah,
- b. mempunyai kemahiran tinggi dalam bahasa Arab,
- c. mempunyai kemahiran komputer dan alat-alat lain yang diperlukan bagi menjalankan kajian dan penyelidikan

- d. mempunyai minat, kreatif, inovatif, ikhlas, amanah dan penyabar.

Beliau juga menyarankan supaya fatwa seboleh-bolehnya dalam bentuk tulisan yang mengandungi rujukan yang lengkap termasuk di mana bahan rujukan tersebut dijumpai, serta menyediakan lampiran mana-mana nas hukum yang dirujuk.

Fatwa semestinya diberikan dengan alasan dan penghujahan yang sempurna sepertimana yang dilakukan oleh pihak hakim di mahkamah, supaya fatwa itu dapat diterima dengan penuh yakin ataupun, jika perlu, dikaji semula oleh pihak lain sekiranya alasan penghujahan yang diberikan tidak mantap dan meragukan. Ia menjadi begitu penting kerana sesuatu keputusan yang dicapai itu akan dipegang sebagai suatu hukum yang diguna pakai oleh kaum muslimin dalam negara ini.

Ahmad Ibrahim (1998) dalam tulisannya “*Acara Mufti Membuat Fatwa*” telah membuat huraian tentang perlantikan mufti, penubuhan jawatan kuasa fatwa negeri-negeri dan statut berkaitan dengannya. Penjelasan juga dibuat berkenaan acara yang diikuti oleh para mufti dan jawatan kuasa fatwa ketika mengeluarkan sesuatu fatwa. Tulisan ini juga menyentuh tentang kesan perundangan fatwa terhadap masyarakat Islam serta hukuman ke atas mereka yang ingkar mematuhi mana-mana fatwa yang diwartakan. Beliau juga mengemukakan kes-kes mahkamah yang mempunyai kaitan dengan fatwa yang dibuat oleh pihak mufti, dan didapati bahawa umumnya mahkamah tidaklah terikat dengan fatwa tersebut. Perbincangan yang hampir sama dikemukakan oleh Suwaid Tapah (1993) dalam kajian beliau bertajuk “*Undang-undang Pentadbiran Fatwa di Malaysia*”.

Abdullah Abu Bakar (1998) dalam "Kedudukan Mazhab Dalam Fatwa" menjelaskan bahawa, mazhab lahir disebabkan oleh amalan berijtihad yang bermula secara perlahan sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. secara berterusan. Ia tidak sepatutnya menjadi asas pertelagahan sebaliknya mewujudkan kerjasama yang sempurna dan kesepakatan yang meluas. Realiti menunjukkan bahawa sesuatu golongan yang menerima mazhab yang tertentu dianggap sebagai musuh yang perlu diperangi dan setiap pihak berusaha keras untuk menghapuskannya. Setengah pihak pula menganggap mazhab-mazhab yang wujud dalam fikah sebagai satu petanda yang buruk. Keadaan ini tercetus sebagai akibat daripada tindak tanduk sebahagian penganut mazhab yang tidak tahu mengenai kedudukan mazhab selain kedudukannya sebagai seorang yang bermazhab dengan mazhab tersebut. Beliau mengingatkan mufti yang mewarisi tugas kenabian dari segi menjelaskan hukum agar tidak ter dorong oleh hawa nafsu, tegas mempertahankan kebenaran dan hanya takut kepada Allah s.w.t sahaja.

Md. Saleh Ahmad (1999) pula menjelaskan kedudukan *taqlid* dan *talfiq* dalam perundangan Islam. Bagaimanapun beliau tidak menghuraikannya dalam konteks amalan dalam institusi fatwa di Malaysia. Othman Ishak (1985) juga menulis mengenai *talfiq* dengan tajuk "*Talfiq Dalam Perundangan Islam*". Beliau menjelaskan doktrin *talfiq* lahir berikutan perkembangan berijtihad. Beliau seterusnya menjelaskan bagaimana doktrin ini terpakai di dalam perundangan Islam di Malaysia dan mengemukakan contoh-contoh fatwa yang menggunakan doktrin *talfiq* ini seperti dalam kes perlantikan hakim wanita, mendirikan sembahyang Jumaat kurang daripada 40 orang, hukum *ta'zir* dijelaskan dengan wang dan pembayaran zakat fitrah dengan wang ringgit.

Muhammad Khalid Masud et. al. (1996) telah menerbitkan satu kompilasi bahan-bahan persidangan antarabangsa mengenai institusi fatwa yang bertajuk *Islamic Legal Interpretation: Muftis and Their Fatwas*. Persidangan ini adalah hasil idea William R. Roff dan telah dilangsungkan pada 10-13 Januari 1990 dengan tema "The Making of a Fatwa". Ia bukan sahaja membincangkan tentang undang-undang dan metodnya tetapi juga berkenaan dengan sosial dan hubungan manusia dengan fatwa-fatwa yang diputuskan. Ia juga mengkaji bentuk-bentuk khusus budaya dalam *istinbāt* atau pentafsiran hukum yang dibuat. Kemudian dibuat perbandingan mengikut pendekatan undang-undang, sosial dan sejarah. Kompilasi ini juga memuatkan kajian terhadap fatwa-fatwa yang telah dibuat dari pelbagai peringkat masa, kawasan, mazhab, bahasa dan persoalan undang-undang. Ia diulas mengikut disiplin pengajian penulis meliputi aspek undang-undang, pengajian Islam, sejarah dan antropologi. Kompilasi ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama berkenaan perspektif teoritikal yang membicarakan tentang fatwa dan mufti serta persoalan penafsiran undang-undang. Bahagian-bahagian berikutnya adalah merupakan kajian terhadap fatwa yang dikeluarkan oleh para mufti dan dibahagikan mengikut period masa: period pra-moden, permulaan period moden dan period moden, kesemuanya meliputi 26 fatwa.

Menurut Siti Maisarah (1996) pula, sungguhpun fatwa mempunyai otoriti secara teorinya dalam perundangan Islam dan diyakini oleh anggota masyarakat tentang kesahihannya, namun ramai di kalangan anggota masyarakat mempersoalkan sistem dan pentadbiran institusi fatwa. Keraguan ini juga turut dilaporkan timbul di pihak pemerintah di mana mereka bimbang fatwa yang dikeluarkan itu boleh menjelaskan beberapa polisi kerajaan yang telah ditetapkan seperti dalam bidang pendidikan, kesihatan, keselamatan dan sebagainya. (Hidayat Buang et.al, 2000)

M. Daud Bakar (1997) mengemukakan beberapa pandangan sarjana barat mengenai fatwa dalam Islam yang menyimpulkan bahawa fatwa yang diberikan oleh para ulama berdasarkan spekulasi mereka tanpa merujuk kepada kes-kes yang benar-benar berlaku dalam masyarakat Islam di zaman fatwa itu dikeluarkan. Sebagai contoh menurut Schacht (1964), fenomena kebekuan perundangan Islam berlaku kerana setelah kelahiran mazhab-mazhab, peranan mufti dalam menetapkan sesuatu fatwa dianggap sebagai muktamad dan tidak boleh dirombak lagi. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh mufti itu kemudian dibukukan untuk terus diikuti seterusnya. N.J. Coulson (1957) pula menulis bahawa perkembangan perundangan Islam adalah sebagai hasil daripada pendekatan ulama yang bersifat spekulatif dalam pemetikan hukum syarak. Ia tidak berkaitan langsung dengan keadaan realiti masyarakat Islam bahkan mungkin bertentangan dengan keadaan sebenar. Sementara itu Max Weber (1968), merumuskan bahawa fatwa Islam sebenarnya tidak berdasarkan skima pemikiran rasional, logik dan sistematik. Justeru, tidak pelik jika perundangan Islam (hukum fikah) penuh dengan perbezaan pendapat kerana asas kepada fatwanya adalah berasaskan kepada budi bicara (*discretion*) para mufti dan bukannya dipandu oleh satu skima yang teratur, sistematik dan rasional.

Chandra Muzaffar (2002a, b, c) turut mempunyai pandangan yang hampir sama. Menurutnya banyak keputusan ulama hingga kini, umpamanya berkenaan persoalan murtad dan poligami, konsep keadilan dan ilmu, khalifah dan jihad telah menyimpang daripada prinsip Al-Quran. Beliau mengatakan bahawa ulama konservatif hari ini menerima pandangan konvensional yang disebarluaskan oleh ulama terdahulu dan mengatakan pintu ijtihad telah tertutup pada kurun ke-9. Akibatnya lahirlah kebekuan pemikiran kreatif Islam dalam tamadunnya sepanjang 300 tahun lalu.

Dalam suatu polemik yang tercetus tentang ulama, Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia Abdul Ghani Shamsuddin (2002) menulis bahawa terdapat pihak-pihak yang sangat meragui kewibawaan para ulama dan mufti yang terdiri daripada para penulis yang menghina para ulama dan mufti yang dilantik oleh Raja-Raja. Abdul Ghani melaporkan bahawa penulis-penulis tersebut berkata: "*Mufties are not thinking straight* (mufti tidak berfikiran betul) dan *they make fatwa which most of the people, including other ulama and mufti, do not follow* (membuat fatwa yang mana kebanyakan orang, termasuk ulama dan mufti lain, tidak ikuti), *many ulama themselves are purveyors of pagan practices* (ramai daripada ulama sendiri punca kepada amalan jahiliah) dan *the ulama themselves are incapable of intelligent thought* (ulama sendiri tidak mampu berfikir dengan cerdik)."

Dalam rangka menjaga kewibawaan para ulama dan mufti serta fatwa yang mereka putuskan, Yusuf al-Qarađawī (1999) di dalam *al-fatwā bayna al-inqībāt wa al-tasayyub* mengemukakan enam perkara yang perlu diawasi di zaman moden ini untuk berfatwa iaitu:

- i. melepaskan diri daripada sikap '*asābiyyaṭ*' dan *taqlīd* secara buta tuli terhadap sesuatu mazhab atau mana-mana individu,
- ii. Memudahkan bukan menyusahkan dengan mengutamakan *rukhsaṭ*<sup>12</sup> berbanding '*azīmaṭ*'<sup>13</sup> dalam rangka menggalak ketaatan kepada Allah s.w.t.
- iii. menggunakan bahasa semasa yang mudah difahami oleh manusia.

---

<sup>12</sup> *Rukhsaṭ*, lihat perbincangan lanjut dalam bahagian 2.2.2.

<sup>13</sup> *Azīmaṭ*, lihat perbincangan lanjut dalam bahagian 2.2.2.

- iv. Menghindari perkara yang tidak bermanfaat bagi diri dan manusia lain sebaliknya menumpukan perhatian kepada soal-soal yang berfaedah dalam kehidupan sebenarnya.
- v. Bersikap sederhana dan pertengahan di antara terlampau keras dan terlampau longgar dalam sesuatu fatwa.
- vi. Fatwa mesti dijelaskan secukupnya mengenai hukum yang dikehendaki beserta dalil dan hujah, perbezaan-perbezaan pendapat yang wujud jika ada, *'illat*, hikmat dan rahsia di sebalik fatwa yang diambil dan jika dapat, mengemukakan perbandingan pandangan antara agama.

Beliau juga mengemukakan tujuh sebab yang lazimnya mendorong kepada kesalahan bagi mereka yang berfatwa dewasa ini, iaitu jahil (tidak mengerti) atau lupa nas-nas syarak, kefahaman yang menyimpang, tidak dapat memahami realiti kehidupan secara benar, mengikut dorongan hawa nafsu, tunduk dan menyerah kepada realiti yang sudah terpesong, *taqlid* dan mengikut arus pemikiran barat, dan bersikap jumud kepada fatwa-fatwa lama tanpa mengambil kira perubahan semasa. (al-Qarādawī, 1999)

Daripada segi bentuk fatwa, menurut Ahmad Hidayat Buang et.al., (2000) tidak terdapat satu kriteria yang selaras di antara negeri-negeri. Berdasarkan penelitian, beliau dan rakan-rakan mengkelaskan bentuk fatwa di negara ini kepada bentuk-bentuk berikut:

- a. *Fatwa yang diwartakan*, iaitu fatwa yang diputuskan oleh mufti atau jawatankuasa fatwa negeri-negeri atau Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan setelah mendapat perkenan sultan atau raja atau Majlis Raja-raja, dan diwartakan dalam warta kerajaan. Ia menjadi undang-undang dan semua orang Islam di negeri berkenaan terikat dengan pewartaan ini.